

10 JUN 1997

TRANSMILE SELESAIKAN USAHA SAMA HANTARAN SURAT TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Transmile Group Bhd, pengusaha perkhidmatan pajakan dan sewaan pesawat, akan menyelesaikan syarat-syarat perniagaan usaha sama hantaran surat ekspres sebelum akhir tahun ini.

Pengerusinya, Mirzan Mahathir berkata struktur pegangan saham bagi yang terbabit dalam usaha sama itu, yang termasuk Konsortium Perkapalan Bhd dan Pos Malaysia Bhd, belum lagi mencapai kata putus.

Katanya perkhidmatan hantaran surat akan meliputi Malaysia dan negara-negara lain di rantau ini.

Usaha sama tersebut, dengan nama yang dicadangkan, Express Courier Network, akan dilancarkan bila tiba masanya, katanya kepada pemberita selepas cabutan undi saham syarikat berkenaan di sini hari ini.

Mirzan juga berkata kumpulan itu, yang akan disenaraikan di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur, sedang menimbangkan untuk membeli pesawat yang lebih besar bagi menampung jumlah dagangan yang dijangka bertambah memandangkan ia akan memperluaskan perniagaan yang sedia ada serta menerokai peluang perniagaan baru.

Di majlis cabutan undi saham syarikat itu hari ini, saham Transmile sebanyak 4.442 juta untuk langganan awam telah melebihi langganan pada kadar 51.65 kali selepas menerima sejumlah 173,306 permohonan bagi 233.454 juta saham bernilai RM1.2 bilion.

Permohonan bagi sebanyak 92.3 juta saham telah diterima untuk bahagian Bumiputera, yang merupakan lebihan langganan pada kadar 68.25 kali, menurut pengarah MIDF Consultancy and Corporate Services Sdn Bhd, Datuk Darwis Mohamad Daik.

Transmile menawarkan sejumlah 6.040 juta saham RM1.00 setiap satu pada harga RM5.20 sesaham.

Sebanyak 1.598 juta saham dikhaskan untuk kakitangan syarikat yang layak dan 4.442 juta saham pula untuk orang awam. -- BERNAMA

LES MA/sia